



PESERTA bersemangat mengikuti pelaksanaan model pembelajaran pada sebelah malam.

Pelajar SPSS UMS anjur Program Retreat Salarom

UB 10.4.2014 B14

NABAWAN: Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPSS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah Unit Penyelidikan dan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB) menjalankan 'Program Retreat Salarom, Nabawan' baru-baru ini.

Program bertema 'Scaling Up Education in Community' yang bermula pada 5-8 April itu diadakan di Kampung Salarom Taka, di sini.

Seramai 52 mahasiswa/i yang terdiri daripada pelajar kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Ekonomi, Pendidikan Sains Sosial, dan Pendidikan TESL mengambil bahagian dalam program itu yang diketuai oleh Azieyana Aziz selaku pengarah program.

Program memfokuskan pelaksanaan modul pembelajaran kepada pelajar-pelajar SK Salarom sebagai kumpulan sasaran.

Modul yang dijalankan terdiri daripada Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Di samping itu, tujuan program adalah bagi melihat dan mengkaji apakah masalah-masalah pembelajaran yang wujud di Kampung Salarom Taka yang dikategorikan sebagai kawasan pedalaman.

Para mahasiswa/i UMS yang terlibat berharap pelaksanaan program sedemikian dapat memberi sumbangan dalam usaha mendedahkan pelajar pedalaman kepada dunia luar, sekali gus memberikan penekanan kepada kepentingan pendidikan.



MURID - murid SK Salarom mengikuti model pembelajaran yang dikendalikan oleh fasilitator UMS.



MURID - murid bersama fasilitator yang dipecahkan kepada kumpulan mengikut pelaksanaan model pembelajaran.